

605:
MAHATHIR

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 6.30 PETANG INI, 10 FEB.

KUALA LUMPUR, 10 FEB. (BERNAMA)-MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMMED BERKATA, PENGHASILAN SASTERA MALAYSIA MESTILAH MENAMPUNG KEPERLUAN DAN TUNTUTAN JIWA SERTA KAUM INTELEK RAKYAT MALAYSIA SELURUHNYA.

INI PENTING KHUSUSNYA SELEPAS TAHUN 1980 BILA BAHASA MELAYU DIGUNAKAN SELURUHNYA DALAM SISTEM PELAJARAN DAN IA MESTI MAMPU MENGISI KEPERLUAN SEGENAP LAPISAN MURID YANG SELAMA INI TERBIASA DENGAN SASTERA LUAR NEGERI TERUTAMA SASTERA INGGERIS.

DR. MAHATHIR BERHARAP DASAR DAN SISTEM PENGAJARAN SASTERA DISEKOLAH-SEKOLAH DIBERI PERHATIAN BERAT HINGGA DAPAT MELAHIRKAN MANUSIA YANG BENAR-BENAR CINTAKAN SASTERA.

"KESEDARAN INILAH MENYEBABKAN KEMENTERIAN PELAJARAN MENINJAU SEMULA SISTEM PENGAJARAN SASTERA DI SEKOLAH-SEKOLAH," KATANYA KETIKA MERASMIKAN MAJLIS ULANGTAHUN KELIMA MAJALLAH "DEWAN SASTERA" DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI.

KATANYA, DALAM KEHIDUPAN MODEN HARI INI, SASTERA SANGAT BERHARGA SEBAGAI PEMBINA JIWA, MEMBETUL, MELURUS DAN MENGHAPUSKAN KEMBALI JIWA MANUSIA YANG MATERIALISTIK. -- BERSAMBUNG HM 1720

606:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

"WALAUPUN KITA MEMUSATKAN PERHATIAN KEPADA KEMAJUAN SAINS DAN TEKNOLOJI, ADALAH SALAH KALAU KITA MENGABAIKAN KEPERLUAN SASTERA YANG MENJADI MAKANA JIWA. SAINS TEKNOLOJI DAN SENI SASTERA MESTILAH SEIMBANG, DAN SALING MEMBERI MANAFAAT KEPADA KEHIDUPAN MANUSIA," KATANYA.

DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENYERU PARA PENULIS TERUTAMA PENULIS KREATIF, MENINGKATKAN LAGI KREATIVITI DAN MUTU PENULISAN SESUAI DENGAN KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN PEMIKIRAN ZAMAN.

BELIAU MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MENERBITKAN "DEWAN SASTERA" DAN MENYERU SEMUA PENULIS, INTELEKTUAL DAN RAKYAT SELURUHNYA MEMBERI SUMBANGAN DAN SOKONGAN KEPADA MAJALLAH

ITU. -- BERNAMA HM 1723

638:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (SAMBONGAN BERITA 605)

SEBELUM ITU, KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, DATUK HAJI SUJAK RAHIMAN BERKATA, PERJUANGAN MENGHIDUPKAN SEMULA BAHASA DAN KESUSASTRAAN MELAYU ADALAH SATU USAHA DAN KERJA YANG AMAT BESAR DAN BERAT.

IA MEMERLUKAN KEBERANIAN, KEBIJAKSANAAN DAN DEDIKASI YANG TIDAK TERBATAS.

+BAKAT SENI, KHUSUSNYA BAKAT SASTRAWAN, BUKANLAH SUATU HAL YANG MUDAH DICARI DAN DIDAPATI DI MANAPUN DALAM DUNIA TAMBAH PULA DI MALAYSIA YANG PUCUK KESUSTRAANNYA TELAH DIPATAHKAN OLEH PENJAJAH YANG MENJADI LEBIH PEDIH DAN SUKAR UNTUK MENUMBUH DAN MENYEGARKANNYA KEMBALI.

+INI DIRASAKAN LEBIH PEDIH DAN PERIHNYA APABILA DALEM MASYARAKAT KITA MASIH ADA SIKAP DAN ANGGAPAN BAHAWA SENI DAN SASTRA ITU BUKAN MERUPAKAN SUATU YANG PENTING DALAM KEHIDUPAN MANUSIA, + KATANYA LAGI. -- BERSAMBUNG 1914/ZCM

539:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SUJAK KESAL KERANA PARA SENIMAN DAN SASTRAWAN BERBAKAT TIDAK MENDAPAT PENGHARGAAN DAN GANJARAN YANG SETIMPAL DENGAN SUMBANGAN DAN TUGASNYA, BAIK DARI SEGI SOSIAL MAHUPUN DARI SEGI EKONOMI PENGHIDUPAN MEREKA.

RAMAI PARA SASTRAWAN DAN SENIMAN DI IBUKOTA HADIR DI MAJLIS ITU.

TURUT HADIR IALAH MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATO' ALI HAJI AHMAD, TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, ENCIK CHAN SIANG SUN DAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MERANGKAP PE GERUSI LEMBAGA DEWAN BAHASA DAN PUSAKA, TAN S1 HAMDAN SHEIKH TAHIR.

DR. MAHATHIR KEMUDIAN MERASMIKAN PAMIRAN KARYA-KARYA SASTRAWAN SENIMAN DAN PELUKIS YANG MEMBERI SUMBANGAN DALAM BERBAGAI BENTUK KEPADA MAJALLAH ITU SEJAK LIMA TAHUN LALU. -- BERNAMA 1917/Z0